

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9953

SOALAN :

Tuan Er Tack Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaiktaraf Ibu Pejabat Polis Daerah Muar serta kelengkapan balai, lokap dan kelengkapan tahanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar, Johor telah beroperasi sejak 1977 di atas tapak tanah Lot No. 985 seluas 7.30 ekar dan terdiri dari bangunan pentadbiran dan kuarters. IPD ini beroperasi dengan kekuatan seramai 568 anggota yang diketuai oleh seorang Ketua Polis Daerah (OCPD) berpangkat Asisten Komisioner Polis (ACP).

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menyenaraikan cadangan projek bagi pembinaan semula IPD Muar melalui Paket Rancangan Pelaksanaan Program/Projek Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2015 hingga 2020 di bawah paket Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dalam usaha PDRM untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan imej serta tahap rasa selamat penduduk. Namun demikian, projek IPD Muar tidak diletakkan sebagai keutamaan kerana PDRM perlu menilai semua cadangan projek supaya lebih menjurus kepada menaik taraf kompleks PDRM yang sangat uzur. Penyenaraian semula projek ini dalam RMKe-11 akan dibuat setelah isu kekangan peruntukan Kerajaan dapat diatasi.